

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Pesakit dijangkiti batuk kokol perlu dikuarantin

Kanak-kanak, bayi tak ambil vaksin pertussis berisiko dijangkiti

Kuala Lumpur: Individu yang didiagnosis jangkitan pertussis atau batuk kokol perlu diasingkan atau dikuarantin bagi mengelak penyakit berkenaan merebak dalam kalangan masyarakat terutama kanak-kanak.

Pakar Epidemiologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata kumpulan berisiko dijangkiti penyakit itu adalah kanak-kanak berusia kurang 12 tahun, manakala gejala lebih teruk berlaku dalam kalangan bayi dan kanak-kanak berumur bawah lima tahun.

"Penyakit ini lebih tinggi risiko sekiranya dijangkiti dalam kalangan kanak-kanak yang belum atau tidak mengambil vaksin pertussis. Kanak-kanak yang belum divaksin (masih sihat) disyorkan tidak terdedah kepada persekitaran berisiko untuk tempoh lima hari hingga maksimum 21 hari.

"Batuk kokol ini kebiasaannya mengambil masa satu atau dua minggu (untuk muncul) selepas seseorang itu terdedah kepada punca jangkitan dan ada tiga

fasa. Pada permulaan pesakit akan mengalami demam, selepas itu batuk teruk, berulang dan susah bernafas, seterusnya bunyi batuk yang nyaring," katanya ketika dihubungi BERNAMA.

Beliau berkata, sekiranya batuk kokol menjangkiti bayi berusia kurang setahun, bayi tidak akan mengalami batuk, namun kebiasaannya akan menunjukkan gejala kurang bermaya dan tiba-tiba menjadi biru disebabkan mengalami masalah pernafasan.

"Pertussis ini ada bakteria penyebab (Bordetella pertussis) yang mengeluarkan toksin mengakibatkan kerosakan sel pada saluran pernafasan, jadi apabila berlaku jangkitan biasanya ada kahak yang ingin dikeluarkan tetapi tidak boleh disebabkan sel itu rosak.

"Oleh itu, badan kita akan beralih kepada batuk dan cuba mengeluarkan kahak dengan begitu sukar sehingga menyebabkan seseorang itu boleh muntah. Kanak-kanak pula akan mendapat *apnea*, iaitu pernafasan tiba-tiba terhenti dan sekiranya berlaku dengan kerap, ia boleh menyebabkan kematian," katanya.

Beliau berkata, penyakit berkenaan ditularkan melalui titis rembesan batuk dan bersin melalui udara atau kontak langsung cecair nasal (hingus), air liur atau air mata, manakala toksin dikeluarkan bakteria itu mero-

sakan sel paru-paru dan menyebabkan kahak atau rembesan daripada paru-paru gagal dikeluarkan.

Cegah kadar penyebaran

Sementara itu, Pakar Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Shamsul Bahari Shamsudin, berkata selain kaedah kuarantin, usaha mencegah kadar penyebaran batuk kokol adalah menerusi pendekatan bekerja dari rumah.

Beliau berkata, kaedah itu perlu diadaptasi pada peringkat industri apabila terdapat pekerja mengalami gejala membabitkan saluran respiratori dan demam bagi mencegah penularan penyakit berkenaan, terutama kepada individu mempunyai imunisasi lemah.

"Apa-apa penyakit berkaitan saluran pernafasan perlu diberi perhatian. Apabila berasakan diri tidak sihat, demam, batuk, selesema atau ada gejala seperti batuk kokol yang dinyatakan, maka elakkan diri daripada mempunyai hubungan langsung dengan individu lain," katanya.

Beliau berkata, penjaga pesakit terutama kanak-kanak yang dijangkiti perlu diberi layanan sama seperti perlu dikuarantin atau bekerja dari rumah kerana sudah ada kontak secara langsung dengan pendedahan bakteria berkenaan.

Beliau turut mencadangkan

PERTUSSIS

(Batuk Kokol)

Batuk kokol adalah penyakit yang disebabkan oleh bakteria *Bordetella Pertussis*

Bakteria ini menjangkiti mulut, hidung dan tekak dan tersebar melalui udara ketika pesakit bersin atau batuk.




Gejala Pertussis adalah batuk selama 1 hingga 2 minggu dan boleh berlarutan sehingga 2 bulan

Tindakan pencegahan



Individu bergejala perlu mengamalkan etika batuk dan bersin dengan menutup mulut dan mencuci tangan bagi mencegah penularan penyakit kepada individu lain.



Pastikan bayi dan kanak-kanak lengkap suntikan vaksin Pertussis (kini diberikan pada umur 2,3,5 dan 18 bulan dalam bentuk vaksin kombinasi 6 serangkai)



Dapatkan rawatan segera jika mengalami gejala Pertussis

Kementerian Kesihatan (KKM) mengoptimalkan aplikasi MySejahtera dalam usaha berkongsi maklumat penyakit itu dengan rakyat.

"Perkongsi maklumat kes jangkitan semasa, risiko penularan jangkitan, kawasan berisiko, status vaksinasi pertussis dan maklumat berkaitan harus dilakukan dengan berterusan.

Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Aktifkan semua kaedah pemantauan dan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) di kawasan jangkitan," katanya.

Pada Sabtu lalu, Jabatan Kesihatan Pahang mengesahkan satu kes jangkitan pertussis membabitkan seorang ibu dan dua anaknya di Kampung Bahagia, Rompin, tetapi keadaan adalah terkawal. BERNAMA

JKN Pahang sahkan tiada kes baharu dikesan

Kuantan: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang mengesahkan kes jangkitan Pertussis (batuk kokol) yang berlaku di Kampung Bahagia, Rompin adalah terkawal.

Pengarahnya, Datuk Dr Nor Azimi Yunus, berkata tiada kes baharu dikesan berdasarkan pengesanan dan pemeriksaan yang dijalankan membabitkan kontak rapat dengan pesakit setakat ini.

Katanya, kes itu hanya membabitkan tiga individu iaitu ibu dan dua anaknya di Kampung Bahagia.

"Sebenarnya kenyataan yang ditokok tambah seperti daerah

Rompin tidak terkawal disebabkan kes Pertussis atau Rompin tidak selamat, tidak boleh datang ke Rompin dan ke Pahang adalah sangat keterlaluan.

"Setakat ini, kes masih terkawal dan kita meneruskan pemantauan di Kampung Bahagia serta kampung berdekatan sehingga kini dan tidak ada kes baharu.

"Dalam kes ini, JKN Pahang meminta kerjasama netizen supaya tidak menularkan berita



Dr Nor Azimi

tidak benar atau menokok tambah dan membuat kenyataan palsu berkaitan kes di Kampung Bahagia ini," katanya di pejabat JKN Pahang, di sini, semalam.

Baru-baru ini, tular dalam media sosial meminta orang ramai tidak pergi atau bertemu orang Pekan dan Rompin susulan kes batuk kokol itu.

Mengulas pemeriksaan dijalankan membabitkan 37 individu, iaitu kontak rapat, Dr Nor

Azimi berkata, ia membabitkan ibu bapa, ibu saudara, jiran dan rakan sekerja mangsa.

Katanya, seramai 37 individu itu diberikan rawatan antibiotik Profilaksis.

"Mereka tidak dikesan positif, tetapi kita siap sedia memberikan rawatan antibiotik supaya mengelak dijangkiti dan andai dijangkiti, ia sangat ringan serta tidak berupaya menjangkiti orang lain.

"Ketika pemantauan, kita juga memberikan pendidikan kesihatan dan mengedarkan risalah berkaitan kes batuk kokol ini kepada orang ramai.

"Jika tiada kes baharu dikesan selepas 14 hari dari tarikh terakhir kes terbahit, kita jangka wabak ini akan berakhir pada 29 Ogos ini," katanya.

Pertussis adalah penyakit cegah vaksin yang disebabkan bakteria *Bordetella pertussis* dengan kuman disebarkan melalui udara ketika pesakit bersin atau batuk dan menjangkiti mulut, hidung dan tekak.

la boleh dielakkan dengan pemberian imunisasi kepada kanak-kanak pada usia dua, tiga, lima dan 18 bulan, malah kanak-kanak yang mendapat pelalian lengkap hanya akan mengalami gejala ringan tanpa risiko komplikasi jika dijangkiti.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

PAC komited bentang pengurusan COVID-19 Oktober

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) komited untuk membentangkan laporan berhubung Pengurusan Wabak COVID-19 untuk dibahaskan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua, Parlimen Ke-15, yang dijadual bersidang mulai 9 Oktober hingga 30 November ini.

Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, dalam satu kenyataan berkata, lima saksi sudah memberikan keterangan dan penjelasan dalam prosiding kedua yang diadakan pada hari ini (semalam).

Beliau berkata, mereka yang memberi keterangan dan penjelasan ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Seri Norazman Ayob; bekas Ketua Setiausaha (KSU) KKM, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min; bekas KSU KKM, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah; bekas Ketua Pengarah KKM, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan bekas Ketua Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan KKM, Datin Seri Dr Asmah Samat.

"PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada saksi yang hadir pada hari ini (semalam), terutama saksi utama yang sudah bersara daripada perkhidmatan awam.

Seterusnya, PAC akan memanggil pihak Pharmaniaga Logistic Sdn Bhd bagi memberikan keterangan dan menjelaskan beberapa isu berbangkit berhubung peralatan ventilator yang tidak dapat digunakan," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : LOKAL

Tiga saja yang dijangkiti...

Kes jangkitan batuk kokol di Rompin dijangka berakhir, henti tular berita palsu

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang mengesahkan bahawa kes jangkitan Pertussis (batuk kokol) yang dikesan di Kampung Bahagia,

Rompin adalah terkawal. Pengarahnya, Datuk Dr Nor Azimi Yunus, berkata tiada kes baharu yang dikesan berdasarkan pengesanan dan pemeriksaan

yang dijalankan membabitkan kontak rapat dengan pesakit setakat ini.

Katanya, kes itu hanya membabitkan tiga individu, iaitu ibu dan dua anaknya di Kampung Bahagia.

“Sepatutnya kita mendengar dan dapatkan ulasan daripada pihak berwajib atau pakar Dr Nor Azimi

“Kenyataan yang ditokok tambah seperti daerah Rompin tidak terkawal disebabkan kes Pertussis atau Rompin tidak selamat, tidak boleh datang ke Rompin dan ke Pahang adalah keterlaluan.

“Setakat ini kes ini terkawal dan kita masih meneruskan pemantauan di Kampung Bahagia serta kampung berdekatan sehingga

ke hari ini dan paling penting tidak ada kes baharu.

“Dalam kes ini, JKN Pahang meminta kerjasama netizen supaya tidak menularkan berita yang tidak benar atau menokok tambah dan membuat kenyataan yang tidak benar berkaitan kes ini di Kampung Bahagia.

“Sepatutnya kita mendengar dan mendapatkan ulasan daripada pihak yang berwajib atau pakar dalam perkara ini,” katanya pada sidang media di pejabat JKN Pahang, di sini, semalam.

Baru-baru ini, tular dalam media sosial meminta orang ramai tidak pergi atau bertemu orang Pekan dan Rompin susulan daripada kes batuk kokol itu.

Mengulas pemeriksaan yang dijalankan membabitkan 37 individu kontak rapat, Dr Nor Azimi berkata, ia membabitkan ibu bapa, ibu saudara, jiran dan rakan sekerja.

Katanya, seramai 37 individu itu diberikan rawatan antibiotik Profilaksis.

“Mereka tidak dikesan positif tetapi kita siap sedia memberikan rawatan antibiotik supaya mengelakkan dijangkiti dan andai dijangkiti, ia ringan dan tidak beresap menjangkiti orang lain.

“Jika tiada kes baharu dikesan selepas 14 hari daripada tarikh terakhir kes terbahit, kita jangka akan wabak ini akan berakhir pada 29 Ogos ini,” katanya.

Hospital pakar ketiga bakal siap

Kuala Terengganu: Hospital Dungun yang dalam persiapan akhir pembinaan, bakal menjadi hospital pakar ketiga di Terengganu selepas Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini dan Hospital Kemaman.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Dr Zulkapli Mohamed berkata penyediaan perkhidmatan hospital pakar ialah satu daripada sumbangan kerajaan Madani bagi membolehkan golongan kurang berkemampuan mendapatkan rawatan khusus dan terbaik selaras dengan visi mengangkat kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata pembukaan hospital itu juga akan membuka luas prospek kerjaya di semua peringkat pekerjaan termasuk profesional, klinikal, jururawat dan pengurusan.

“Ini adalah perkembangan positif bagi rakyat Terengganu kerana bakal menikmati perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti.

“Malahan, peluang pekerjaan sektor lain seperti perkhidmatan pembersihan dan perniagaan dapat diwujudkan menerusi pembukaan hospital ini nanti,” katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Zulkapli melakukan lawatan kerja projek lambat siap di Hospital Dungun pagi semalam untuk meninjau persiapan akhir pembinaan bangunan terutama bilik bedah.

Lawatan berkenaan juga untuk memastikan fasiliti lain disiapkan mengikut spesifikasi bagi menjamin kebajikan penjawat awam serta keselamatan pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital itu.

Hospital Dungun yang mampu memuatkan 110 katil itu mula dibina pada 2016 dan sepatutnya siap pada 2019.

Sebanyak 10 kepakaran akan disediakan termasuk Pediatrik; Obstetrik dan Ginekologi; Psikiatri; Patologi; Anestesiologi dan Pergiagin.

Pesakit batuk kokol dinasihat jalani kuarantin

Kuala Lumpur: Individu yang didiagnosis jangkitan pertussis atau batuk kokol perlu diisolasi atau dikuarantin bagi mengelak penularan penyakit berkenaan merebak dalam kalangan masyarakat terutama kanak-kanak.

Pakar epidemiologi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Malina Osman berkata, kumpulan berisiko dijangkiti penyakit itu adalah kanak-kanak berusia kurang 12 tahun, manakala gejala lebih teruk berlaku dalam kalangan bayi dan kanak-kanak berusia bawah lima tahun.

“Penyakit ini lebih tinggi risiko sekiranya dijangkiti dalam kalangan kanak-kanak yang belum atau tidak mengambil vaksin pertussis. Kanak-kanak yang belum divaksin (masih sihat) disyorkan tidak terdedah kepada persekitaran berisiko untuk tempoh lima hari hingga maksimum 21 hari.

“Batuk kokol ini kebiasaannya mengambil masa satu atau dua minggu (untuk muncul) selepas seseorang itu terdedah kepada punca jangkitan dan ada tiga fasa. Pada permulaan pesakit akan mengalami demam, selepas itu batuk teruk, berulang dan susah bernafas seteru-

“Batuk kokol ini kebiasaannya mengambil masa satu atau dua minggu (untuk muncul) selepas seseorang itu terdedah kepada punca jangkitan dan ada tiga fasa”

rusnya bunyi batuk yang nyaring,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Beliau berkata, sekiranya batuk kokol menjangkiti bayi berusia kurang setahun, bayi tidak akan mengalami batuk, namun kebiasaannya akan menunjukkan gejala kurang bernafas dan tiba-tiba menjadi biru disebabkan mengalami masalah pernafasan.

“Pertussis ada bakteria penyebab (Bordetella Pertussis) yang mengeluarkan toksin mengakibatkan kerosakan sel pada saluran pernafasan, jadi apabila berlaku jangkitan biasanya ada kahak yang ingin dikeluarkan tetapi tidak boleh disebabkan sel tersebut rosak.

“Oleh itu, badan kita akan beralih kepada batuk dan cuba mengeluarkan kahak dengan begitu sukar sehingga menyebabkan seseorang itu boleh muntah. Kanak-kanak pula akan mendapat apnea iaitu pernafasan tiba-tiba terhenti dan sekiranya berlaku dengan kerap boleh menyebabkan kematian,” kata-

nya.

Katanya, penyakit berkenaan merebak melalui titis rembesan batuk dan bersin menerusi udara atau kontak langsung cecair nasal (hingus), air liur atau air mata manakala toksin dikeluarkan bakteria tersebut merosakkan sel paru-paru dan menyebabkan kahak atau rembesan daripada paru-paru gagal dikeluarkan.

Sementara itu, Pakar Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr Shamsul Bahari Shamsuddin berkata, selain kaedah kuarantin, usaha mengawal kadar penyebaran batuk kokol adalah menerusi pendekatan bekerja dari rumah.

Beliau berkata, kaedah itu perlu diadaptasi di peringkat industri apabila terdapat pekerja mengalami gejala membabitkan saluran respiratori dan demam bagi mencegah penularan penyakit tersebut terutama kepada individu mempunyai imunisasi lemah.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA



NOR AZIMI

Tiada kes batuk kokol baharu

KUANTAN – Tiada kes baharu wabak pertussis atau batuk kokol yang berlaku di daerah Rompin selepas tiga individu disahkan dijangkiti wabak berkenaan bermula 7 Ogos lalu.

Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, wabak itu terkawal dan tidak perlu menjadi kebimbangan masyarakat.

Katanya, lebih 370 individu diperiksa tetapi tiada kes baharu dikesan di kawasan berkenaan.

"Lebih 50 peratus penduduk diperiksa tetapi tiada kes baharu. Seramai 37 kontak rapat telah diberikan antibiotik profilaksis," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Nor Azimi, kes batuk kokol hanya melibatkan tiga individu melibatkan sebuah keluarga di Kampung Bahagia di Rompin.

Tambahnya, menjadi amalan melabelkan penyakit sebagai wabak jika ada dua atau lebih kes seperti denggi.

"Apa yang tersebar di media sosial tidak benar dan tak bertanggungjawab kerana tidak memberikan gambaran sebenar dan cuba menakutkan masyarakat," katanya.



Kes batuk kokol hanya melibatkan tiga individu melibatkan sebuah keluarga di Kampung Bahagia di Rompin."

NOR AZIMI

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NASIONAL

KKM rekod 329 kes, 23 maut akibat pertusis

Menteri arah siasat
segera punca tiga
beranak di Rompin,
Pahang dijangkiti
wabak batuk kokol

**TUAN BUQHAIKHAH
TUAN MUHAMMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Sebanyak 329 kes pertusis atau batuk kokol dilaporkan di seluruh negara membabitkan 23 kematian tahun ini sehingga Sabtu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, daripada jumlah itu, Sabah merekodkan bilangan kes tertinggi iaitu 181 kes.

"Ia disusuli Selangor dengan 51 kes, Kuala Lumpur dan Putrajaya (15), Pahang dan Perak (13), Melaka dan Negeri Sembilan (12), Johor (sembilan), Sarawak (lapan), Kelantan (tujuh), Kedah (tiga) dan Terengganu (tiga).

"Pulau Pinang dan Labuan masing-masing merekodkan satu kes manakala tiada jangkitan dilaporkan di Perlis," katanya menerusi kenyataan, di sini, pada Selasa.

Menurut Muhammad Radzi, daripada jumlah itu juga sebanyak 219 kes atau 66.6 peratus adalah warga tempatan manakala 110 kes (33.4 peratus) lagi membabitkan warga asing.

"Bayi berusia 12 bulan ke bawah adalah kumpulan umur mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 189 kes.

"Ia disusuli kanak-kanak berusia antara satu hingga 10 tahun sebanyak 94 kes dan selebihnya berusia 11 tahun ke atas," katanya.

Muhammad Radzi berkata, ibu bapa digesa untuk mendapatkan imunisasi lengkap mengikut Jadual Imunisasi Kebangsaan.

"Di negara ini, vaksin pertusis diberikan kepada kanak-kanak secara rutin pada usia dua, tiga, lima dan 18 bulan.

"Ia diberikan dalam bentuk vaksin kombinasi enam serangkai iaitu difteria, tetanus, pertusis, polio, hepatitis B dan haemophilus influenzae jenis B.

"Kanak-kanak yang tercidir imunisasi boleh dibawa ke klinik kesihatan berhampiran bagi melengkapkan imunisasi mereka," katanya.

Muhammad Radzi berkata, individu bergejala dinasihatkan sentiasa mengamalkan etika batuk dan bersin dengan menutup mulut serta mencuci tangan bagi mencegah penularan jangkitan kepada orang lain terutama kanak-kanak.



ZALIHA

"Segera dapatkan rawatan sekiranya mengalami gejala pertusis," katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa mengarahkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) segera menyiasat punca tiga beranak di Rompin, Pahang dijangkiti wabak berkenaan.

"Penemuan awal jangkitan ini kemungkinan berlaku bermula daripada ibu kanak-kanak terbitan.

"Salah seorang anak pesakit dirawat di hospital, namun telah dibenar pulang," katanya ketika sidang akhbar selepas menyaksikan Nota Persefahaman (NoU) Kerjasama Strategik Bidang Kesihatan dan Kebommbaan antara KKM dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Putrajaya, pada Selasa.

Pertusis adalah batuk berpanjangan dalam tempoh sehingga dua minggu dan boleh berlarutan sehingga dua bulan.

Batuk teruk dan berpanjangan ini menyebabkan pesakit menjadi kebiruan (cyanosis) kerana sukar bernafas dan kekurangan oksigen dan seterusnya boleh mengakibatkan sawan.

Komplikasi teruk seperti pneumonia (radang paru-paru), ensefalopati (radang otak) dan kematian juga boleh berlaku jika tidak mendapat rawatan awal.

Kios ubat-ubatan di setiap PPR - Kor Ming

PUTRAJAYA - Kerajaan bercadang untuk mewujudkan kios ubat-ubatan asas di setiap kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi memudahkan penduduk mendapatkan bekalan itu dengan cepat dan mudah.

Menurut Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, idea itu adalah inspirasi daripada bangunan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mempunyai kios ubat-ubatan sendiri.

"Sekarang ada kios menjual ubat di KKM. Kita sedang mempelopori kemungkinan kerjasama yang mana kios ini diletakkan di PPR.

"Apabila anak-anak sakit waktu tengah malam, tidak perlulah ke farmasi kerana sudah ada kios ubat.

"Macam kita beli makanan ringan, mesin vendor boleh jual ubat seperti Panadol, vitamin dan lain-lain," katanya ketika sidang akhbar selepas menyaksikan Nota Persefahaman (NoU) Kerjasama Strategik Bidang Kesihatan dan Kebommbaan antara



Kor Ming (kanan) dan Dr Zaliha ketika sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani NoU Kerjasama Strategik Perkhidmatan Kesihatan dan Kebommbaan di Putrajaya pada Selasa.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan KKM di sini pada Selasa.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa; Ketua Setiausaha (KSU) KPKT, Datuk M Noor Azman Taib; Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Bahagian Kewangan, Datuk Seri Norazman Ayob; Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat

Malaysia (JBPM), Datuk Seri Abdul Wahab Mat Yasin dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Bahagian Kesihatan Awam), Datuk Dr Norhayati Rusli.

Sementara itu, Kor Ming turut memaklumkan, kolaborasi KPKT melalui JBPM dan KKM itu dijangka menjimatkan peruntukan kerajaan sebanyak RM15 juta setahun.

Batuk kokol: Henti tular berita palsu

KUANTAN - Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKP) mengesahkan wabak pertusis atau batuk kokol di Rompin adalah terkawal dan tiada kes baharu dikesan ketika ini.



NOR AZIMI

Pengarahnya, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, penularan kenyataan oleh warganet di laman sosial berhubung wabak itu disifatkan tidak memberi gambaran situasi sebenar, sebaliknya cuba menakutkan masyarakat dengan maklumat tidak tepat.

"Saya meminta netizen supaya tidak memberi kenyataan seperti 'berlaku wabak yang besar di Rompin', 'jangan datang ke Rompin', 'jangan datang ke Pekan dan Pahang'.

"Saya rasa kenyataan itu ditokok tambah dan tidak sepatutnya berlaku kerana wabak ini (batuk kokol) adalah terkawal dan Rompin selamat dikunjungi. Malahan, kita juga tidak mengesahkan kes baharu dan sehingga hari ini," katanya.

Sebelum ini, tular di media sosial mendakwa penyakit itu menjadi ancaman lebih teruk selepas Covid-19 dan orang ramai dinasihatkan tidak datang ke Rompin bagi mengelak dijangkiti penyakit berkenaan.

Kenyataan berbau negatif dikongsi warganet selepas satu notis makluman pengisytiharan wabak pertusis yang dikeluarkan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Rompin bertarikh 14 Ogos lalu, menjadi tular di media sosial.

Jelasnya, menjadi amalan pihak kesihatan melabelkan sebagai wabak sekiranya terdapat dua atau lebih kes sama dalam satu komuniti dan sebagainya kes lain seperti denggi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : KOMUNITI KITA



Pasaraya Gmart Sungai Petani anjur Program Derma Darah di HSAH

SERAMAI 391 orang, termasuk dari Pulau Pinang menyertai kempen menderma darah anjuran Pasaraya Gmart Sungai Petani di Lobi Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

Pegawai Perhubungan Awam Unit Tabung Darah HSAH, Futera Naim Abdullah berkata, kempen dengan kerjasama HSAH kali itu mencatatkan rekod paling tertinggi sejak penganjuran pernah dilakukan dalam masa 14 tahun.

Katanya, usaha itu sedikit sebanyak mampu menampung serta menstabilkan stok bekalan darah di hospital tersebut.

"Terima kasih kepada semua

pihak, termasuk pegawai di Pusat Darah Wilayah Utara Alor Setar, Juruteknologi Makmal Perubatan Jabatan Perubatan Transfusi, Suhaila Md Nor, Noraidah Mohd Daud dan Pembantu Perawat Kesihatan HSAH, Shaifulbakri Idris kerana bekerja keras bagi melakukan ujian saringan darah dan lain-lain," katanya lagi.

■ SUHAILA Md. Nor (kiri) bersama Noraidah Mohd Daud dan Shaifulbakri Idris bergambar kenangan setelah mengumpul beg darah sempena Kempen Derma Darah di Lobi HSAH Sungai Petani, Kedah baru-baru ini. - UTUSAN/ABD RAZAK OSMAN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

BA.2.86

'New Covid sub-variant not in country'

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has not detected the new Covid-19 Omicron sub-variant, BA.2.86, in the country.

However, minister Dr Zaliha Mustafa advised those eligible to get the Covid-19 shots to do so immediately to protect themselves against it.

"Getting vaccinated against the virus will cut the risk of hospitalisation and worsening of symptoms. The ministry advises people to wear face masks if they have symptoms or when they are in a confined or crowded space to safeguard their families, neighbours and friends from Covid-19."

She said this after the British Health Security Agency detected the BA.2.86 variant, which has a high number of mutations.

It was identified last Friday in a

person with no recent travel history and the agency said there could be significant community transmissions among Britons.

The strain was first detected in Denmark on July 24.

Dr Zaliha said although there were no records of the variant in the country yet, the ministry would continue its surveillance to prevent its spread.

The World Health Organisation has listed BA.2.86 as a "Variant Under Monitoring", which has as many as 36 mutations.

It said it required more information on the variant, including its infection rate and level of immunity resistance.

In **Putrajaya**, Dr Zaliha said her ministry was investigating the source of a case of pertussis, or whooping cough, involving a

mother and her two children in Kuala Rompin, Pahang.

She said the case was believed to have started with the mother.

"Only three cases have been reported," she said after witnessing the signing of a note of understanding for strategic cooperation between the Health Ministry and Local Government Development Ministry.

She was responding to a question on the latest update on the pertussis case in Kuala Rompin and whether the three infected persons had been vaccinated against it.

She said one of the two children was warded and had since been allowed to return home.

A statement on the case would be issued by Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi



Health Minister Dr Zaliha Mustafa speaking after witnessing the signing of a note of understanding for strategic cooperation between her ministry and the Local Government Development Ministry in Putrajaya yesterday, BERNAMA PIC

Abu Hassan, she added.

A social media post went viral on Monday, urging the public not to go to or meet people in Pekan and Rompin following reports of a pertussis outbreak.

The post claimed that the outbreak was worse than Covid-19 and urged everyone to wear a mask to avoid being infected.

Pahang Health Department director Datuk Dr Nor Azimi Yunus had dismissed the post.

Dr Zaliha said the case involved only three people and that it was under control.

She added that there had been no new cases reported after examinations were conducted on the patients' close contacts.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LETTERS

RIISING INFLUENZA CASES

GIVE ELDERLY FREE FLU SHOTS

INFLUENZA causes a heavy burden of disease among the elderly, and is a matter of concern among healthcare professionals.

Malaysia is an ageing nation, with more than 3.8 million people older than 60, or about 11.3 per cent of the population. By 2030, this figure will increase to over 15 per cent.

The Health Ministry reports that, as of the 23rd Epidemiological Week, there had been 93 influenza clusters reported nationwide, an increase of 210 per cent from the same period last year.

Hospitals are getting full due to rising influenza cases. This tells us that influenza is everywhere and presents a very real threat to older people.

This is why the Malaysian Influenza Working Group (under the Malaysian Society of Infectious Diseases & Chemotherapy) in collaboration with the Malaysian Society of Geriatric Medicine, supported by the Malaysian Alliance for the Prevention of Influenza (MyAPI), have started a petition calling for free influenza vaccinations for older persons.

This petition is important because influenza can be fatal, especially among older persons, because:

1. THEIR waning immune system is less able to fight infections, and a single influenza infection can have a devastating effect on an older person.

The immune system gradually deteriorates with ageing—the immu-



Influenza can be fatal especially among the elderly as their waning immune system is less able to fight infections.
FILE PIC

nosenescence process — making it more difficult to respond to infections and hence one is more likely to experience severe complications from influenza, like pneumonia, hospitalisation and death.

Up to 85 per cent of all influenza-related deaths occur in those aged 65 and above.

2. THEY are more likely to have existing health problems, and influenza affects those with chronic conditions more severely.

Diabetes and high cholesterol become more common with age. In people with diabetes, influenza can make it harder to control blood sugar levels, in some cases allowing it to become dangerously high.

The risk of dying from influenza is five times higher among those with heart disease and 20 times higher for those with heart and lung disease.

3. SOUTHEAST Asia is ranked third globally for the number of influenza-related deaths but only two to three

percent of Malaysians are vaccinated against influenza.

This is due to a variety of reasons, including low awareness, lack of urgency and unwillingness to bear the cost of influenza vaccines. Many Malaysians are not protected against this virus that circulates year-round.

Influenza vaccinations can save lives.

Studies show that vaccinations help to reduce incidences of cardiovascular events, need for hospital admission

and mortality among older persons. Furthermore, influenza vaccinations for high-risk groups are cost-effective.

Managing influenza and its complications absorbs a lot of healthcare resources, with direct and indirect costs increasing with age and the need for hospitalisation, not to mention the loss of productivity.

For Malaysia, a cost-benefit analysis estimated that influenza vaccinations would result in net savings of RM313 for each vaccinated older person and net savings of RM3,565 per life-year gained.

I applaud the government on its recent announcement to consider vaccinations for high-risk groups.

I also urge the government to provide free, life-saving influenza vaccinations for those aged 60 and above.

Many nations, including Australia, South Korea, Mexico and Thailand, have done so.

Join me and my peers in signing this petition: www.change.org/p/appeal-for-free-life-saving-annual-influenza-vaccination-for-malaysian-seniors.

DATUK DR CHRISTOPHER K.C. LEE

Member, Infectious Disease Specialists Subcommittee, National Specialist Register, Former Deputy Director General of Health (Research & Technical Support) & Former National Adviser on Infectious Diseases, Health Ministry